

**TERMA DAN SYARAT UNTUK PROGRAM RUANG ISTIRAHAT LAPANGAN TERBANG KAD AFFIN DENGAN PLAZA PREMIUM LOUNGE DARI 1 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2026**

**DEFINISI**

1. Program Ruang Istirahat Lapangan Terbang Kad AFFIN dengan Plaza Premium Lounge (“Program”) dianjurkan oleh Affin Bank Berhad dan Affin Islamic Bank Berhad (“Bank”). Program ini tertakluk pada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di sini. Perkataan dan ungkapan di bawah mempunyai maksud yang berikut, melainkan jika konteksnya mempunyai makna yang lain:
  1. **“AFFIN BANK”** bermaksud Affin Bank Berhad [197501003274 (25046-T)].
  2. **“AFFIN ISLAMIC”** bermaksud Affin Islamic Bank Berhad [200501027372 (709506-v)].
  3. **“Kad AFFIN”** merujuk kepada Kad Kredit/i AFFIN DIVENTIUM, Kad Kredit/i AFFIN INVIKTA, Kad Kredit/i AFFIN World Mastercard, Kad Kredit/i AFFIN UKM Alumni Premier World, Kad Kredit/i AFFIN MPN dan Kad Kredit/i AFFIN UiTM.
  4. **“Ahli Kad”** merujuk kepada pemegang Kad Kredit AFFIN Bank dan Kad Kredit-i AFFIN Islamic yang dikeluarkan oleh pihak Bank seperti dalam Klausula 3.

**KELAYAKAN**

2. Program ruang istirahat lapangan terbang dengan Plaza Premium Lounge terbuka kepada Ahli Kad Utama yang mempunyai Kad Premium AFFIN yang sah, telah diaktifkan dan dalam keadaan kredit yang baik seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlakunya.

**PROGRAM RUANG ISTIRAHAT LAPANGAN TERBANG DENGAN PLAZA PREMIUM LOUNGE**

3. Ahli Kad Utama berhak menikmati akses tanpa caj ke Plaza Premium Lounge (“PPL”) yang terletak di negara terpilih di seluruh dunia berdasarkan kelayakan akses di bawah:

Jenis Kad	Syarat Perbelanjaan	Bilangan Akses Tanpa Caj
AFFIN DIVENTIUM	Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan dengan perbelanjaan runcit minimum RM3,000 dalam penyata terkini kad kredit-i atau perbelanjaan runcit RM100,000 dalam satu tahun kalendar bagi setiap kad.	Akses tanpa had tanpa caj untuk PPL yang terletak di Malaysia dan di negara terpilih di seluruh dunia.
AFFIN INVIKTA	Ahli Kad Utama dengan perbelanjaan runcit minimum RM3,000 dalam penyata terkini kad kredit-i atau perbelanjaan runcit RM100,000 dalam satu tahun kalendar.	Dua belas (12) akses tanpa caj untuk PPL yang terletak di Malaysia dan di negara terpilih di seluruh dunia.
AFFIN World Mastercard	Ahli Kad Utama dengan perbelanjaan runcit minimum RM3,000 dalam penyata terkini kad kredit-i.	Enam (6) akses tanpa caj untuk PPL yang terletak di Malaysia dan di negara terpilih di seluruh dunia.
AFFIN MPN	Ahli Kad Utama dengan perbelanjaan runcit minimum RM3,000 dalam penyata terkini kad kredit-i.	Enam (6) akses tanpa caj untuk PPL yang terletak di Malaysia dan di negara terpilih di seluruh dunia.
AFFIN UKM Alumni Premier World	Ahli Kad Utama dengan perbelanjaan runcit minimum RM3,000 dalam penyata terkini kad kredit-i.	Empat (4) akses tanpa caj untuk PPL yang terletak di Malaysia dan di negara terpilih di seluruh dunia.
AFFIN UiTM	Ahli Kad Utama dengan perbelanjaan runcit minimum RM3,000 dalam penyata terkini kad kredit-i.	Empat (4) akses tanpa caj untuk PPL yang terletak di Malaysia dan di negara terpilih di seluruh dunia.

Senarai penuh negara terpilih dan lokasi Plaza Premium Lounge di bawah Program ini boleh didapati di [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com). Definisi satu tahun kalendar adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember pada tahun tertentu.

4. Perbelanjaan minimum termasuk semua transaksi runcit yang dilakukan di Malaysia dan luar Malaysia kecuali Pendahuluan Tunai / Pengeluaran Tunai dan kemudahan pembayaran ansuran bulanan oleh pihak Bank. Hanya transaksi runcit baharu akan dikira untuk tujuan Program ini.
5. Perbelanjaan berikut TIDAK akan dianggap sebagai perbelanjaan runcit untuk Program ini:
  - a. Transaksi yang menyalahi undang-undang seperti pertaruhan secara haram, perjudian atau perbelanjaan untuk permainan dalam talian;
  - b. Pengeluaran tunai, pendahuluan tunai, pemindahan baki;
  - c. Ansuran bulanan di bawah kemudahan pembayaran ansuran oleh pihak Bank seperti Pelan Ansuran Tunai Melalui Panggilan Telefon (CIP) dan Pelan Ansuran Pindahan Baki (BTiP), Pelan Bayaran Mudah (EPP) dan Pelan Bayaran Tetap (FPP).
  - d. Yuran dan caj seperti keuntungan, faedah, yuran tahunan, yuran pengeluaran tunai, caj pampasan lambat bayar (Ta'widh);
  - e. Baki belum jelas dan transaksi yang tidak sah atau berbalik, bayaran dikembalikan, transaksi yang dipertikai, tidak dibenarkan atau palsu.
6. Amaun perbelanjaan runcit minimum yang diperlukan mesti dibuat menggunakan Kad AFFIN yang digunakan untuk mengakses Plaza Premium Lounge.
7. Akses tanpa caj ke Plaza Premium Lounge akan dinafikan sekiranya Ahli Kad tidak memenuhi keperluan perbelanjaan runcit minimum yang ditetapkan di dalam klausa nombor 4 di atas. Bagaimanapun, Ahli Kad masih boleh mengakses Plaza Premium Lounge dengan kos sendiri pada kadar istimewa berikut:

Lokasi Plaza Premium Lounge	Kadar Istimewa
Malaysia	Diskaun 25% ke atas kadar tersiar
Seluruh dunia	Diskaun 20% ke atas kadar tersiar

Bayaran mesti dibuat menggunakan Kad AFFIN untuk menikmati kadar istimewa tersebut.

8. Ahli Kad hanya berhak untuk satu (1) akses tanpa caj sehari ke Plaza Premium Lounge dan sehingga tiga (3) jam bagi setiap akses. Akses selanjutnya pada hari yang sama dan/atau akses lebih dari tiga (3) jam akan tertakluk kepada caj yang ditetapkan oleh Plaza Premium Lounge.
9. Akses tanpa caj adalah untuk Ahli Kad sahaja. Mana-mana tetamu Ahli Kad akan tertakluk kepada caj/yuran yang dikenakan oleh Plaza Premium Lounge.
10. Kanak-kanak berusia dua (2) tahun dan ke atas, tetamu-tetamu Ahli Kad dan Ahli Kad yang telah melebihi kuota tanpa caj berhak untuk kadar istimewa seperti dinyatakan dalam klausa 9 di atas. Pembayaran perlu dibuat sebelum akses.
11. Untuk mengakses ke Plaza Premium Lounge, Ahli Kad dikehendaki untuk mengemukakan Kad Premium AFFIN dan Pas Penerbangan yang sah atau sebarang dokumen lain yang mungkin diperlukan oleh kakitangan Plaza Premium Lounge.
12. Nama di Pas Penerbangan mesti sepadan dengan nama Ahli Kad yang dipaparkan di Kad Premium AFFIN. Plaza Premium Lounge mempunyai hak untuk tidak membenarkan Ahli Kad masuk sekiranya terdapat butiran tidak sah pada Kad Premium AFFIN atau Pas Penerbangan.
13. Akses Ruang Istirahat menyediakan kemudahan tanpa caj seperti makanan dan minuman, surat khabar, majalah, maklumat penerbangan, WiFi dan saluran TV antarabangsa. Sebarang akses melebihi apa yang disediakan dalam akses tanpa caj ini akan tertakluk kepada caj/yuran yang dikenakan oleh Plaza Premium Lounge dan perlu ditanggung oleh Ahli Kad.

14. Untuk senarai penuh Plaza Premium Lounge yang mengambil bahagian dalam Program ini, sila layari [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com). Untuk maklumat tentang lokasi ruang istirahat dan perkhidmatan, sila layari [www.plaza-network.com](http://www.plaza-network.com).

#### **TERMA UMUM**

15. Ahli Kad dikehendaki untuk mematuhi Terma dan Syarat Program ini.
16. Ahli Kad juga perlu mematuhi Terma dan Syarat Kad Premium AFFIN atau apa-apa Terma dan Syarat Kad Kredit/Kad Kredit-i lain yang mungkin ditambah dari semasa ke semasa
17. Semua Terma dan Syarat yang ditetapkan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian undang-undang akan dilakukan di mahkamah di Kuala Lumpur.
18. Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia, Ahli Kad dengan ini membenarkan pihak Bank mendedahkan data peribadi mereka, termasuk nombor Kad Premium AFFIN dan nama Ahli Kad kepada Plaza Premium Lounge bagi membolehkan Ahli Kad menikmati akses tersebut.
19. Pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang produk/perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Program ini. Produk/perkhidmatan ini disediakan oleh Plaza Premium Lounge, di bawah terma dan syarat yang ditentukan oleh Plaza Premium Lounge. Pihak Bank tidak bertanggungjawab dengan sebarang produk/perkhidmatan yang ditawarkan. Produk/perkhidmatan ini tidak disahkan dan penglibatan mana-mana produk/perkhidmatan dalam Program ini tidak harus ditafsirkan sebagai sokongan atau cadangan produk/perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak Bank.
20. Pihak Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti atau bertanggungjawab terhadap sebarang tindakan atau kegagalan daripada pihak Plaza Premium Lounge dalam perkhidmatan yang diberikan. Pihak Bank juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan yang dialami akibat daripada penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh Plaza Premium Lounge.
21. Pihak Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun untuk sebarang pengeposan lewat ke akaun Ahli Kad oleh peniaga dan/atau pihak ketiga yang mungkin mengakibatkan transaksi Ahli Kad tidak dikira dalam Program ini.
22. Akaun Ahli Kad mestilah, pada setiap masa, sah, aktif, tidak tertunggak serta tidak melanggar mana-mana terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Kad Premium Kad bagi melayakkan Ahli Kad mengakses ruang istirahat.
23. Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar semua kos akses ke Plaza Premium Lounge yang dibuat oleh Ahli Kad dan/atau tetamu Ahli Kad selepas Kad Premium AFFIN dan/atau Program ini dibatalkan atau tamat tempoh.
24. Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berhubung dengan Program ini. Keputusan pihak Bank adalah muktamad dan mengikat semua Ahli Kad.
25. Pihak Bank boleh mengubah, meminda dan/atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad yang Layak, notis tersebut akan diletakkan di laman web pihak Bank di [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com) atau melalui saluran-saluran lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.
26. Sila rujuk Notis Privasi Kumpulan Bank yang boleh didapati di mana-mana pejabat atau cawangan Kumpulan Affin Bank atau di laman web [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com)

27. Ahli Kad hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Peraturan Pentadbiran Pertukaran Wang Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan segala peraturan, notis dan garis panduan yang berkaitan dan hendaklah diatur, diselaras, diurus dan diperoleh segala persetujuan, lesen-lesen, kelulusan dan kebenaran yang diperlukan berkaitan dengan pelaksanaan, prestasi, pengesahan atau penguatkuasaan Dokumen Transaksi.
28. Untuk sebarang bantuan, maklum balas dan/atau aduan atau perkara berkaitan dengan Program ini, Ahli Kad boleh menghubungi pihak Bank melalui saluran-saluran berikut:
- Talian Khas Kad Premium AFFIN di 03-8230 2323;
  - Pusat Panggilan di 03-8230 2222; atau
  - Borang Maklum Balas dalam talian di [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com)
  - E-mel ke [yourvoice@affingroup.com](mailto:yourvoice@affingroup.com)
29. Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris boleh didapati di [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com)